



PERTANDINGAN MENCIPTA VIDEO PENDEK PROGRAM MYBRAINIS

Hadiah
lumayan
disediakan!!

**Hadiah tempat pertama - Wang tunai RM3,000.00,
trofi dan sijil penyertaan**

**Hadiah tempat kedua - Wang tunai RM2,000.00,
trofi dan sijil penyertaan**

**Hadiah tempat ketiga - Wang tunai RM1,000.00,
trofi dan sijil penyertaan; dan**

**10 hadiah saguhati - Wang tunai bernilai RM500.00,
trofi dan sijil penyertaan**

DURASI PENYERTAAN : 2 - 5 MINTA

TARIKH PENYERTAAN : 09 MEI 2014

TARIKH TUTUP PENYERTAAN : 30 JUN 2014
di lanjutkan sehingga

OBJEKTIF

1. **MEMPROMOSIKAN PROGRAM MyBRAIN15 SEKALIGUS MEMUPUK MINAT DAN KREATIVITI DI KALANGAN WARGANEGARA MALAYSIA;**
2. **MEMBERI PENDEDAHAN DAN MENINGKATKAN KESEDARAN DI KALANGAN WARGANEGARA MALAYSIA MENGENAI PROGRAM MyBRAIN15; DAN**
3. **MENYEBAR LUAS MAKLUMAT BERHUBUNG PELUANG PEMBIAYAAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN DI PERINGKAT PASCA SISWAZAH**

PERTANDINGAN MENCIPTA VIDEO PENDEK PROGRAM MyBRAIN15

PENGENALAN

Pertandingan Mencipta Video Pendek Program MyBrain15 merupakan satu pertandingan kandungan terbitan tempatan terbaik. Kandungan yang disertakan untuk pertandingan ini adalah dalam bentuk dokumentari, sketsa pendek, atau mesej khidmat awam. Tema bagi pertandingan ini adalah “Program MyBrain15 Menjana Modal Insan Berpengetahuan Tinggi”

Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia. Jangka masa (durasi) bagi setiap penyertaan adalah di antara 2 – 5 minit dan pada umumnya bertemakan Program MyBrain15 dengan membawa mesej semangat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Pasca Ijazah.

Objektif bagi pertandingan ini adalah seperti berikut:

1. Memupuk minat dan kreativiti di kalangan warganegara Malaysia dalam mempromosikan program MyBrain15;
2. Mencetus keterujaan di kalangan warganegara Malaysia terhadap program MyBrain15; dan
3. Menyalurkan maklumat berhubung peluang pembiayaan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pasca ijazah.

Durasi Penyertaan : 2-5 Minit

Tarikh Penyertaan : 09 Mei 2014

Tarikh Tutup Penyertaan : 09 Jun 2014

SYARAT PENYERTAAN

A. Maklumat Peraduan:

1. Pertandingan Mencipta Video Pendek Program MyBrain15 adalah inisiatif dari Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Pertandingan ini dibuka dari 08 Mei 2014 hingga 09 Jun 2014.
3. Video-video yang terpilih pada peringkat saringan akan dimuatnaik di Youtube MyBrain15.
4. Video akan diadili oleh juri professional dan juri awam (yang mendapat paling banyak *view*)

B. Tema Pertandingan

1. Tema bagi Pertandingan Mencipta Video pendek Program MyBrain15 adalah **“Program MyBrain15 Menjana Modal Insan Berpengetahuan Tinggi”** dan mestilah berbahasa Melayu atau Inggeris sahaja.

C. Kelayakan Pertandingan

1. Pertandingan Mencipta Video Pendek Program MyBrain15 ini terbuka kepada semua Warganegara Malaysia.

D. Terma dan syarat pertandingan

1. Satu salinan DVD beserta Borang Penyertaan perlu dikemukakan kepada Sekretariat Pertandingan seperti yang dinyatakan di bawah selewat-lewatnya pada 09 Jun 2014 untuk proses saringan. Penyertaan yang lewat daripada tarikh tersebut tidak akan diterima.
2. Peserta yang berjaya pada peringkat saringan akan dimaklumkan melalui email dan sistem pesanan ringkas (sms).
3. Video yang berjaya pada peringkat saringan akan dimuatnaik ke dalam Youtube MyBrain15 selewat-lewatnya pada 23 Jun 2014.
4. Durasi video hendaklah diantara **2-5 minit (termasuk credit title)**.
5. Audio yang ditetapkan adalah **Standard Dolby**.

6. Penyertaan boleh dihantar dalam bentuk dokumentari, sketsa pendek atau mesej khidmat awam.
7. Penyertaan hendaklah memaparkan maklumat tepat berhubung Program MyBrain15.
8. Penerbitan yang mempunyai unsur seks, jenayah, menfitnah, menghina institusi Perlembagaan Negara akan ditolak penyertaannya.
9. Video yang dihantar mestilah karya asal peserta dan tidak pernah menyertai di dalam mana-mana festival filem/video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
10. Setiap individu boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
11. Kos penyediaan video pendek Program MyBrain15 adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
12. Penyertaan adalah **percuma**.
13. Bukti penghantaran tidak dianggap bukti penerimaan. Slip pengesahan rasmi penerimaan akan dikeluarkan oleh Sekretariat Pertandingan Video Pendek Program MyBrain15
14. Sekretariat berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap.
15. Salinan DVD dan bahan-bahan lain yang diterima tidak akan dikembalikan.
16. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/diciplak.
17. Kemenangan peserta akan dibatalkan dan hadiah-hadiah yang diterima akan ditarik balik sekiranya hasil karya tidak asli/diciplak.
18. Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
19. Hakcipta video adalah hakmilik Kementerian. Peserta mestilah membenarkan Sekretariat Pertandingan Mencipta Video Pendek Program MyBrain15 menggunakan video tersebut bagi tujuan promosi dan siaran sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
20. Peserta juga mestilah membenarkan suntingan dibuat terhadap video penyertaan bagi tujuan penyiaran.
21. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkenaan.

22. Borang Penyertaan hendaklah disertakan dengan dua **(2) salinan DVD video** yang telah dilabel (lihat contoh seperti di borang penyertaan).
23. Penyertaan perlu dihantar melalui perkhidmatan pos atau kurier ke alamat berikut:

Sekretariat Pertandingan Mencipta Video Pendek Program MyBrain15
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Biasiswa
Aras 2, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 Putrajaya

E. HADIAH

Hadiah tempat pertama	Wang tunai RM3,000.00, trofi dan sijil penyertaan
Hadiah tempat kedua	Wang tunai RM2,000.00, trofi dan sijil penyertaan
Hadiah tempat ketiga	Wang tunai RM1,000.00, trofi dan sijil penyertaan
Hadiah saguhati X 10	Wang tunai RM500.00, trofi dan sijil penyertaan

F. PERTANYAAN

Untuk pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi:

Sekretariat Pertandingan Mencipta Video Pendek Program MyBrain15

No Telefon : 03 8870 6376/6375/6374/6373/6582/6925/6442

No Faks : 03 8870 6838

Emel : bb.videomb15@moe.gov.my

Web: <https://biasiswa.moe.gov.my/MyBrain15/>



**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MENCIPTA VIDEO PENDEK PROGRAM MyBRAIN15**

A. MAKLUMAT PESERTA

Nama Penuh; _____

No. MyKad: _____

Umur: _____

Jantina: _____

Alamat Rumah: _____

Email: _____ **No. Telefon Bimbit:** _____

B. MAKLUMAT VIDEO

Tajuk Video: _____

Durasi Video: _____

C. AKUAN/PENGESAHAN PESERTA

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang diberi di atas adalah benar dan bersetuju dengan syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan oleh Kementerian. Saya juga mengesahkan bahawa video yang dihantar adalah hasil kerja saya sendiri dan mengizinkan penerbitan video pendek ini akan menjadi hak milik Kementerian.

Tandatangan Peserta

Tarikh

Sekretariat Pertandingan Menciapt Video Pendek Program MyBrain15
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Biasiswa
Aras 2, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 Putrajaya

Contoh salinan DVD produksi yang telah dilabel



**PERTANDINGAN MENCIPTA VIDEO PENDEK
PROGRAM MyBRAIN15**

TAJUK VIDEO:

DURASI VIDEO:

NAMA PENUH PESERTA:

NO. MyKAD PESERTA:

EMAIL:

NO. TELEFON BIMBIT PESERTA: